



MEMO PEMBERITAHUAN

NO RUJUKAN : ADSB/HR/2024(08) TARIKH : 06/11/2024
PERKARA : PEMBERITAHUAN TUNTUTAN PARKIR
KEPADA : SEMUA KAKITANGAN ASIA DEBUT SDN BHD
DARIPADA : JABATAN SUMBER MANUSIA

PEMBERITAHUAN TUNTUTAN PARKIR

Dengan hormatnya, pihak pengurusan ingin memaklumkan bahawa semua pekerja kini layak membuat tuntutan bagi perbelanjaan parkir. Tuntutan ini bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan peribadi yang dikeluarkan semasa melaksanakan tugas rasmi.

Semua kakitangan boleh membuat tuntutan parkir

1. **Parkir harian digunapakai untuk urusan diluar pejabat:** Tuntutan boleh dibuat dan tiada had yang ditetapkan.
2. **Parkir bulanan digunapakai untuk pekerja yang mempunyai kenderaan dan parkir di kawasan pejabat:** Tuntutan dengan sebanyak had maksimum RM100 sebulan. Jika lebih akan ditanggung oleh pekerja sendiri.

PERHATIAN

Pekerja yang ingin membuat tuntutan parkir bulanan perlu mengisi butiran maklumat di pautan Form pada setiap akhir bulan. Butiran yang diperlukan adalah:-

- 1) Nama penuh
- 2) Jabatan
- 3) Nombor plate kenderaan
- 4) Tarikh
- 5) Jumlah tuntutan yang dipohon
- 6) Bukti resit

Berikut dibawah merupakan panduan dan prosedur tuntutan bagi rujukan semua pekerja:

(1) Panduan Tuntutan:

1. Parkir: Tuntutan untuk parkir hanya terpakai untuk tempat letak kenderaan yang berkaitan dengan aktiviti kerja rasmi sahaja. Resit parkir hendaklah disertakan sebagai bukti tuntutan.

(2) Prosedur Tuntutan:

- Sila kemukakan resit asli yang jelas dan dokumen berkaitan (seperti rekod jarak perjalanan) untuk setiap tuntutan.
- Tuntutan perlu diserahkan kepada Jabatan Kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu **30 hari dari tarikh perbelanjaan**.
- Semua tuntutan akan tertakluk kepada kelulusan pengurusan dan polisi syarikat.

Jika terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Kewangan di adib@asiadebut.group dan 012-7151150.

Kami berharap inisiatif ini dapat memberikan kemudahan dan sokongan dalam menjalankan tugas rasmi. Terima kasih atas kerjasama anda.

Dengan Hormatnya,

ASIA DEBUT SDN BHD (628748-D)

(PUAN NORAZILAWATI BINTI IBRAHIM)

KETUA JABATAN SUMBER MANUSIA